

24/11/1999

Tidak semua kerajaan boleh majukan negara

Lichong Angkui

KOTA KINABALU, Selasa - Rakyat negara ini perlu menolak dakwaan mengatakan Malaysia masih boleh maju walaupun bertukar kerajaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, Perdana Menteri mengingatkan rakyat supaya mengambil iktibar daripada kegagalan pemerintahan kerajaan pembangkang di Sabah, sehingga menjadikan negeri itu yang pada asalnya kaya menjadi mundur.

Dr Mahathir berkata, kesilapan memilih kerajaan boleh mengakibatkan kemerdekaan, kebebasan serta keamanan yang dikecapi sekarang, tidak mungkin mampu dinikmati lagi.

"Jangan percaya dengan dakwaan mengatakan mana-mana kerajaan pun yang ada, Malaysia masih boleh maju. Contohnya di Sabah, sebuah negeri yang kaya tetapi apabila diperintah kerajaan yang tidak berkemampuan, menjadi mundur.

"Oleh itu, berhati-hatilah memilih kerajaan.. jangan kata hanya mahu cuba (tukar kerajaan), kerana mungkin kita tidak dapat lagi membuat pilihan pada masa akan datang," katanya pada majlis Pemimpin Bersama Tentera di Markas 5 Briged, Kem Lok Kawi, dekat sini malam ini.

Dr Mahathir berkata, tidak semua kerajaan di dunia boleh memajukan negara, umpamanya ada negara yang tidak dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat mereka sehingga datang ke Malaysia mencari rezeki.

Justeru, beliau meminta rakyat khususnya golongan muda agar menghargai perjuangan serta pengorbanan dilakukan Umno, MCA dan MIC dalam menuntut kemerdekaan, serta pasukan keselamatan yang bersusah payah mengekalkan keamanan yang ada sekarang.

"Malangnya, ada golongan muda tidak menghargai kemerdekaan kerana tidak dapat melakukan perbandingan ketika berada dalam zaman penjajahan dan merdeka.

"Bagaimanapun, percayalah, sebagai seorang yang sudah berusia 70 tahun dan melalui zaman tiga penjajah, saya tahu membezakan kehidupan di Malaysia yang merdeka dengan Malaysia yang dijajah," katanya.

Dr Mahathir turut mengucapkan terima kasih kepada pasukan keselamatan negara yang menunjukkan sikap profesional dan berdisiplin ketika negara dilanda kegawatan sehingga membolehkan pemimpin kerajaan awam menumpukan usaha memulihkan ekonomi.

Justeru, beliau berharap kerjasama erat antara kerajaan awam dengan pasukan keselamatan sebagaimana yang ada sekarang dapat terus dikekalkan.

Katanya, selagi persefahaman antara kerajaan yang dipilih rakyat dengan pasukan keselamatan terus wujud, tidak ada siapa yang mampu menjajah kembali negara ini walau dalam apa bentuk sekalipun.

(END)